



SIARAN MEDIA

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
(PTPTN)**

PTPTN PRIHATIN, KANAK-KANAK CERIA

(PENGANJURAN PROGRAM CSR)

1. PTPTN telah mengadakan **Program Lawatan Prihatin PTPTN Ke Wad Kanser Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur** yang turut dihadiri oleh **YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah, Pengurus PTPTN**. Program ini merupakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PTPTN yang diadakan **sempena Hari Kanser Sedunia pada 4 Februari 2018** yang lalu.
2. Selain untuk **menceriakan kanak-kanak di wad berkenaan dan memberi sokongan serta motivasi kepada ibubapa/penjaga mereka**, program ini juga bertujuan untuk:
 - i. **Menjalinkan hubungan positif PTPTN dengan masyarakat;**
 - ii. **Meningkatkan imej yang baik kepada PTPTN sebagai sebuah organisasi yang prihatin; dan**
 - iii. **Mempromosikan produk Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M-i) serta memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai fungsi dan peranan PTPTN.**
3. Melalui program ini, **PTPTN memberikan sumbangan seperti berikut :**
 - i. **Pembukaan akaun/ penambahan deposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M-i) kepada 300 pesakit di Institut Pediatrik sebanyak RM20 setiap seorang;**
 - ii. **Peralatan sokongan pendidikan kepada sekolah dalam hospital;**
 - iii. **Hamper makanan berkhasiat kepada pesakit di Wad Kanser;**
 - iv. **Tabung SSPN1M kepada pesakit di Wad Kanser; dan**

v. Kit makanan kepada semua ibubapa/penjaga dan kakitangan di Institut Pediatrik;

4. Diharapkan lawatan dan sumbangan ini akan membantu memberikan semangat serta menceriakan ibu bapa serta kanak-kanak yang terlibat. PTPTN sentiasa mengambil berat dan cakna untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan dan pada masa sama menggalakkan mereka membuat penabungan. **Amatlah diharapkan, ibu bapa menjadikan sumbangan akaun SSPN1M sebagai titik permulaan untuk terus menabung secara konsisten di dalam SSPN1M demi masa depan anak-anak mereka. Menabung dari awal adalah lebih baik untuk menjamin masa depan mereka.**
5. Ini menunjukkan PTPTN bukan hanya memberikan pinjaman dan menyediakan instrumen simpanan bagi tujuan pendidikan tetapi juga **menjalankan tanggungjawab sosial korporat kepada golongan yang memerlukan**. Di samping itu, **PTPTN kini sedang giat secara proaktif dalam usaha menjadikan segenap lapisan masyarakat Malaysia dari pelbagai golongan membudayakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi. Usaha ini merupakan satu tindakan yang amat baik dan perlu disambut oleh masyarakat Malaysia.**

(PENABUNGAN DALAM SSPN1M)

6. Semenjak Skim ini diperkenalkan pada tahun 2004, rakyat Malaysia telah mula sedar tentang kepentingan penabungan terutamanya di dalam SSPN1M yang merupakan pelan simpanan terbaik. Ini terbukti apabila bilangan mereka yang membuka akaun semakin meningkat dari tahun ke tahun. **Sehingga 31 Januari 2018, sebanyak 3.3 juta akaun telah dibuka dengan deposit berjumlah RM3.5 bilion.**
7. Rakyat Malaysia telah bijak kerana memilih SSPN1M untuk membuat penabungan sekaligus dapat menikmati pelbagai keistimewaan yang disediakan seperti **simpanan dijamin oleh Kerajaan dan yang paling penting skim ini adalah patuh Syariah**. Selain itu, **kadar dividen yang diberikan juga amat tinggi berbanding institusi kewangan lain**. Sehingga kini, kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25% setahun dan pada tahun 2017 adalah 4%. Tambahan pula skim ini merupakan satu-satunya pelan simpanan

yang diberikan pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun kepada ibu bapa yang membuat simpanan. Melalui SSPN1M-i juga, perlindungan takaful secara percuma turut disediakan kepada pendeposit apabila simpanan mencecah RM1,000.

8. Sehubungan itu, ibu bapa seharusnya mengambil peluang ini untuk membuat penabungan di dalam SSPN1M dan menikmati insentif yang diberikan oleh Kerajaan demi kepentingan anak-anak pada masa hadapan. Dengan keprihatinan Kerajaan dan kebijaksanaan ibu bapa, generasi akan datang akan bebas daripada hutang apabila berjaya ke menara gading. Generasi yang bebas hutang juga akan melahirkan tenaga kerja yang berkualiti kepada Negara.

(INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN – SIMPAN RM500, PERCUMA RM500)

9. **Pada tahun 2018, Kerajaan melalui PTPTN telah melipat gandakan pemberian Geran Sepadan secara percuma dengan menyediakan dana berjumlah RM250 juta kepada 500,000 ibu bapa terawal yang membuat simpanan di dalam SSPN1M untuk anak-anak berumur 7 hingga 12 tahun. Ibu bapa yang membuat simpanan bersih sekurang-kurangnya RM500 dalam tahun 2018 akan diberikan deposit percuma berjumlah RM500.**
10. Ini menunjukkan Kerajaan memberikan keutamaan kepada rakyat untuk mendapat peluang dalam pendidikan tinggi. Usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan supaya masyarakat sedar tentang kepentingan penabungan dari peringkat awal lagi ini menunjukkan sokongan kerajaan atas usaha PTPTN untuk menanam budaya penabungan di kalangan masyarakat Malaysia.
11. **Membuka akaun atau membuat penambahan simpanan SSPN1M amat mudah kerana selain boleh dibuat di kaunter PTPTN, ia boleh dilakukan secara *online* melalui www.sspn1m.com.**

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

22 Februari 2018